



**FELCRA JAYA SAMARAHAN SDN BHD
(KILANG KELAPA SAWIT SAMARAHAN)**

**POLISI INTEGRITI, ANTI-RASUAH & TADBIR URUS BAIK
(Selaras dengan Seksyen 17A Akta SPRM 2009)**

FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. (FJS) komited untuk mewujudkan budaya kerja yang berintegriti, beretika dan bebas daripada rasuah, penipuan serta salah guna kuasa. Semua aktiviti syarikat hendaklah dilaksanakan secara jujur, telus dan mematuhi undang - undang.

Sebagai langkah pengukuhan tadbir urus, FJS akan menubuhkan Unit Integriti dan Governan (IGU) yang diketuai oleh Pegawai Integriti, dengan tanggungjawab berikut:

- i. **Pengurusan Aduan** Menerima dan menyiasat laporan salah laku
- ii. **Pengesanan & Pengesanan** Mengenal pasti dan mengesahkan risiko rasuah dan penipuan
- iii. **Pengukuhan Integriti** Meningkatkan kesedaran melalui latihan dan pemantapan budaya integriti
- iv. **Governan** Menyemak dan menambah baik dasar, prosedur dan tadbir urus syarikat

Perlaksanaan IGU akan berpandukan lima (5) prinsip **T.R.U.S.T**:

- T** Top Level Commitment (Komitmen Pengurusan Atasan)
- R** Risk Assessment (Penilaian Risiko)
- U** Undertake Control Measures (Langkah Kawalan)
- S** Systematic Review & Enforcement (Pemantauan & Penguatkuasaan)
- T** Training & Communication (Latihan & Komunikasi)

Kod Etika Pekerja


Semua warga kerja FJS wajib:

- i. Bertindak jujur, adil dan profesional
- ii. Menolak sebarang bentuk rasuah dan salah laku
- iii. Mematuhi undang-undang, dasar syarikat dan arahan kerja
- iv. Tidak menyalahguna kedudukan untuk kepentingan sendiri

Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing)

FJS menyediakan saluran aduan sulit kepada sesiapa yang ingin melaporkan salah laku. Identiti pemberi maklumat akan dilindungi dan tiada tindakan balas akan dikenakan terhadap laporan yang dibuat dengan niat baik.

FJS beriltizam untuk melaksanakan dasar ini dengan sepenuhnya bagi menjamin reputasi syarikat yang bersih, telus dan berdaya saing secara mampan.


.....
**PENGARAH URUSAN
(LIEW TEEN CHAI)**

TARIKH: 2HB MEI 2025